

**Teks Ucapan
YB Dato' Sri Dr Ng Yen Yen
Menteri Pelancongan Malaysia**

**Majlis Pelancaran "1Malaysia Green,
1Malaysia Clean"
Peringkat Negeri Pahang**

**15 Ogos 2010
Taman Tasik Raub, Pahang**

(Salutation list)

Salam 1Malaysia, Salam Sejahtera dan Selamat Pagi.

1. Saya bersyukur kepada Tuhan kerana merestui perjumpaan kita pada pagi yang berbahagia ini. Sesungguhnya kehadiran tuan puan pada pagi ini menunjukkan sokongan terhadap usaha yang pihak Kementerian jalankan bagi kepentingan kita bersama, khususnya di Bandar Raub yang kita sayangi.
2. Kita berkumpul di sini pagi ini untuk melancarkan kempen "*1Malaysia Green and 1Malaysia Clean*". Kempen yang berlandaskan *tagline "Think Tourism, Act Tourism"* ini mendorong semua pihak membuka minda ke arah inginkan sebuah negara yang bersih. Oleh itu, sama-samalah kita menjaga imej negara ini sebagai sebuah negara yang bersih dan selamat (iaitu dari segi tahap kebersihan)

untuk dilawati kerana negara kita mempunyai pelbagai tarikan pelancongan baik dari kurniaan semulajadi seperti pantai-pantai, hutan rimba yang berumur jutaan tahun, pulau-pulau, taman-taman riadah serta produk-produk pelancongan tradisional dan baru.

3. Seperti yang tuan puan semua sedia maklum, negara kita mempunyai pelbagai tarikan pelancongan. Di Semenanjung Malaysia sahaja kita mempunyai lebih dari 8,500 jenis atau spesies tumbuh-tumbuhan bunga, sementara di Sabah and Sarawak dari 10,000 sehingga 12,000 spesies tumbuh-tumbuhan bunga. Kita mempunyai 3,000 jenis spesies pokok, 1,000 spesies orkid - Gunung Kinabalu dipercayai menjadi habitat bagi kira-kira 1,200 spesies orkid dan setakat ini, kira-kira 800 daripadanya telah dikenal pasti melalui kajian taksonomi (iaitu sistem klasifikasi khususnya dalam tumbuhan).

4. Keindahan dan keunikan flora dan fauna

anugerah Tuhan ini sudah tentu menjadi tarikan kepada pelancong-pelancong luar negara untuk datang ke Malaysia. Tambahan bulan negara kita kaya dengan warisan budaya daripada pelbagai etnik yang telah hidup aman damai sejak bertahun lamanya.

5. Saya juga amat berbangga kerana usaha Kementerian memperkenalkan pelancongan taman-taman (atau *parks and gardens*) turut mendapat dua pengiktirafan, salah satu daripadanya pengiktirafan bertaraf antarabangsa. Kita telah membawa pulang Pingat Emas bagi penglibatan dalam kategori Persembahan Taman (atau *Show Garden*) di Chelsea Flower Show 2010 yang berlangsung dari 25 hingga 29 Mei 2010 di London, dan kita turut menerima Anugerah Khas Presiden bagi penglibatan dalam Floria Putrajaya 2010 di Putrajaya baru-baru ini.
6. Dengan kedua-dua pengiktirafan ini, pihak Kementerian Pelancongan berasa

lebih komited dan rasa bertanggungjawab untuk sama-sama membantu pelbagai pihak untuk terus menjaga kebersihan serta khazanah alam semulajadi kerana sektor ekopelancongan juga adalah sebahagian daripada industri pelancongan negara.

Tuan–tuan dan puan–puan yang dihormati sekalian,

7. Sejak kebelakangan ini, negara kita sering mendapat pengiktirafan antarabangsa. STA Travel, UK telah meletakkan Malaysia sebagai antara lapan destinasi percutian termurah di dunia, selain Vietnam dan Thailand. Laporan UNWTO tahun 2009 pula meletakkan Malaysia sebagai negara ke-9 yang patut dilawati pelancong, naik daripada tangga ke-11 sebelum ini. Lonely Planet pula telah meletakkan Malaysia di antara 10 buah negara yang baik untuk dilawati. Syabas kepada Malaysia yang semakin dikenali oleh warga dunia!

8. Untuk makluman semua, industri pelancongan negara terus maju dengan rekod kedatangan pelancong bagi lima bulan pertama tahun ini meningkat sebanyak 4.2% kepada 9.6 juta, berbanding 9.4 juta pada lima bulan pertama tahun lalu.

9. Sektor pelancongan adalah amat penting untuk pertumbuhan dan kemakmuran negara terutama sekali bagi negara-negara membangun kerana ia memainkan peranan penting dalam membasmikan kemiskinan. Tahun 2010 merupakan “tahun transformasi” dan menyediakan pelbagai peluang untuk Malaysia lebih menyerlah di mata dunia.

10. Ekonomi semasa negara pula semakin bergiat cergas dan kadar pertumbuhan 10.1% pada suku pertama tahun ini menunjukkan ekonomi negara semakin pulih. Pertumbuhan memberangsangkan ini juga akan meningkatkan keyakinan

pengusaha industri untuk meningkatkan lagi perkhidmatan mereka setanding dengan negara luar.

11. Untuk rekod, hasil pendapatan daripada industri pelancongan negara bertambah 67.1% daripada RM31.9 bilion pada tahun 2005 ke RM53.4 bilion pada tahun 2009. Kedatangan pelancong bertambah 42.8% ke 23.6 juta pada masa yang sama. (Dari segi penambahan nilai, industri pelancongan menyumbang RM13.1 bilion atau 4.4% GDP pada tahun 2009. Industri ini juga memberi pekerjaan kepada 763,200 pekerja secara langsung dan ini mewakili 7.1% daripada keseluruhan pekerja di negara ini pada tahun 2008).

12. Pada tahun 2009, kita telah berjaya menarik 23.6 juta pelancong dan menyumbang sebanyak RM 53.4 billion kepada pendapatan negara. Anggaran kasar kita telah menyumbang sebanyak RM 1 billion kepada pendapatan negara setiap minggu. Pada tahun ini pula, kita

telah mensasarkan kedatangan 24 juta pelancong.

13. Saya juga yakin bahawa negara kita akan dapat mencapai hasrat yang dinyatakan dalam Rancangan Malaysia ke-10 di mana industri pelancongan akan menyumbang sebanyak RM 115 billion kepada GDP (atau KDNK) dan menyediakan peluang pekerjaan kepada 2 juta orang dalam tahun 2015.

14. Sasaran Kementerian Pelancongan ialah untuk menaikkan industri pelancongan ke tahap yang lebih tinggi melalui Pelan Transformasi Pelancongan Malaysia yang saya umumkan baru-baru ini iaitu “2020 - 36:168” iaitu 36 juta pelancong dengan pendapatan sejumlah RM168 billion pada tahun 2020.

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,

15. Justeru itu tuan-tuan dan puan-puan

yang dihormati sekalian, kempen “1Malaysia Green, 1Malaysia Clean” ini adalah amat penting bagi kita semua kerana dalam apa jua aktiviti yang kita buat, kita mesti sama-sama memikul untuk tanggungjawab menjaga kebersihan negara, bukanlah hanya menuturkan kata-kata tetapi mengambil langkah dan penekanan yang lebih agresif untuk memastikan seluruh Negara, khususnya tempat-tempat yang menjadi tumpuan pelancongan dijaga dengan baik dan bersih. Jangan biarkan sampah dibuang merata-rata dan kalau kita ternampak, apalah salahnya kita mengambil inisiatif untuk mengutip dan membuang ke dalam tong sampah.

16. Kita juga perlu menjaga negari Pahang kerana negeri ini adalah salah sebuah negeri yang menjadi tumpuan para pelancongan luar negara dan juga tempatan. Pihak Kementerian Pelancongan juga member tumpuan terhadap pembangunan sector

pelancongan di sini.

17. Untuk makluman semua, di bahawa **Rancangan Malaysia kesembilan**, di Pahang terutamanya di kawasan Raub, sejumlah **RM27,590,000.00** telah diperuntukan untuk projek-projek pembangunan dan menaik taraf kemudahan di kawasan-kawasan pelancongan. Tempat lain yang diberi tumpuan ialah Bukit Fraser kerana dari bulan **Januari hingga Julai 2010**, seramai **46,076** pelancong asing dan domestik telah berkunjung ke Bukit Fraser, peningkatan sebanyak **54.32%** daripada **29,858** pelancong pada tahun **2009**.
18. Ini telah menunjukkan Kementerian Pelancongan juga telah mengambil langkah yang pro-aktif dalam membantu menjanakan industri pelancongan di negeri Pahang. Salah satu program yang diperkenalkan ialah 'Railway Tourism' dengan objektif menarik lebih ramai lagi

pelancong luar negara khususnya dari Singapura. Kita telah berkerjasama dengan pihak media masa dengan mewujudkan rancangan televisyen bertajuk “*Welcome to The Railworld*” ke udara pada setiap hari Rabu pada jam 9.30 malam di NTV7. Rancangan itu mempertontonkan pengalaman pengacara rancangan menjelajah seluruh negara dengan menaiki keretapi dan singgah di beberapa *homestay* yang berdekatan dengan stesen keretapi.

19. Di Pahang sahaja kita mempunyai **12 *homestay*** dengan jumlah pendapatan yang dijana oleh peserta sejumlah **RM789,617.00** dari bulan **Januari hingga Jun 2010**. Peningkatan dalam penginapan di hotel – hotel di Pahang juga menunjukkan perubahan yang positif. Pada bulan **Januari hingga Mac 2010**, berdasar jumlah pelancong asing yang menginap di hotel ialah **481,689** berbanding pada masa yang sama pada tahun **2009** iaitu **476,135**, peningkatan

sebanyak **1.17%**. Pihak Kementerian juga telah memperkenalkan Program Menanam Pokok atau dalam bahasa inggeris **PAT (*Plant A Tree*)** di mana para pelancong digalakkan menanam pokok di *homestay* yang dilawati dengan tujuan untuk menghijau dan memelihara alam sekitar serta bagi mencantikkan landskap *homestay* tersebut.

20. Dalam erti kata lain, dalam apa jua keadaan atau apa saja yang kita lakukan, seperti yang saya katakan tadi, kita harus terus menghayati aspirasi Kementerian dengan memahami *tagline* “*Think Tourism, Act Tourism*” selain “*Malaysia Truly Asia*” dan “*Malaysia Welcomes the World*”. Penghayatan ini tidak memungkinkan kita tersasar dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab dalam memastikan negara sentiasa bersih dan indah.

Tuan-tuan dan puan-puan, para hadirin yang dihormati sekalian,

21. Sebelum mengakhiri ucapan saya, saya ingin mengucapkan terima kasih dan menghargai kehadiran tuan-tuan dan puan-puan semua dan bersama-samalah kita bersatu, berganding bahu bagi memajukan industri pelancongan negara. Dengan itu, terimalah serangkap pantun ini:

*Patin tempoyak enak rasa,
Paling terkenal di bandar Temerloh,
Marilah kita berganding usaha
Memajukan industri pelancongan ke arah 2020*